

24/7 Bantuan Perjalanan Seluruh Dunia
AIG Travel
+603 2772 5600

Risalah produk ini adalah bertujuan sebagai panduan untuk liputan faedah sahaja. Skop yang tepat dan butiran dasar yang tepat tentang polisi perlindungan ini bergantung kepada terma dan syarat tertentu polisi.

American International Group, Inc (AIG) adalah organisasi insurans global yang terkemuka. Berbekalkan pengalaman selama 100 tahun, kini ahli syarikat AIG memberikan kepelbagaian dalam insurans kerosakan harta benda, insurans nyawa, produk persaraan, dan lain-lain perkhidmatan kewangan kepada pelanggan-pelanggan di lebih 80 negara dan bidang kuasa. Tawaran yang pelbagai ini merangkumi produk dan perkhidmatan yang membantu melindungi aset perniagaan dan individu, mengawal risiko dan memberikan keselamatan persaraan. Saham biasa AIG disenaraikan di dalam New York Stock Exchange.

Maklumat tambahan mengenai AIG boleh didapati di www.aig.com dan www.aig.my. Rujukan dengan maklumat tambahan tentang AIG ini adalah untuk kemudahan, dan maklumat yang terkandung di dalam laman web ini tidak dimasukkan sebagai rujukan ke dalam brosur produk ini.

AIG adalah nama pemasaran untuk American International Group, Inc. yang menjalankan operasi insurans kerosakan harta benda, insurans nyawa dan persaraan, dan insurans am di seluruh dunia. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami di www.aig.com dan www.aig.my. Semua produk dan perkhidmatan adalah ditulis atau disediakan oleh subsidiari atau ahli gabungan American International Group, Inc. Sesetengah produk atau perkhidmatan mungkin tidak disediakan di semua negara, dan perlindungan adalah bergantung kepada dasar bahasa sebenar. Produk dan perkhidmatan bukan insurans boleh disediakan oleh pihak ketiga bebas. Sesetengah perlindungan kerosakan harta benda boleh disediakan oleh syarikat insurans jalur lebihan. Syarikat insurans jalur lebihan secara amnya tidak terlibat di dalam pembiayaan jaminan negeri, dan pengambil insurans tidak dilindungi oleh pembiayaan tersebut.



AIG Malaysia Insurance Berhad (795492-W)


Menara Worldwide
No. 198 Jalan Bukit Bintang
55100 Kuala Lumpur
Malaysia
www.aig.my

Hak cipta terpelihara 2019 AIG Malaysia Insurance Berhad.

*Tarikh cetakan: September 2019.



TRAVEL GUARD®



SAMA ADA PERJALANAN ANDA UNTUK TUJUAN PERNIAGAAN ATAU PERCUTIAN TRAVEL GUARD® AKAN SELALU BERSAMA ANDA.

Dengan lapan pusat perkhidmatan di seluruh dunia dan kakitangan yang mahir dengan multibahasa disediakan dan bantuan hanya dengan panggilan telefon sahaja. Dan lebih baik lagi, cawangan kami yang bekerja sepanjang masa untuk memastikan akan sentiasa ada seseorang yang akan membantu anda, tidak kira masa atau hari dan di mana jua anda berada.

Apabila anda menghubungi pusat perkhidmatan kami, kami boleh membantu anda dengan:

- Rujukan untuk perkhidmatan perubatan
- Nasihat perubatan melalui telefon
- Bantuan pasport yang hilang
- Rujukan kedutaan
- Rujukan penterjemah

24/7 Bantuan Perjalanan Seluruh Dunia
AIG Travel
+603 2772 5600



BAGAIMANA HENDAK MEMBUAT TUNTUTAN



1. PENYERAHAN

- Hantarkan tuntutan anda ke MYClaims@aig.com
Anda perlu sertakan:
- Borang tuntutan berkenaan dan dokumen sokongan
 - Butiran akaun Bank



2. KEPUTUSAN

Jika dokumen sokongan anda lengkap, anda akan menerima e-mel yang mengesahkan tuntutan anda.



3. PEMBAYARAN

Jika tuntutan anda boleh dibayar, kami akan bayar melalui pemindahan Bank dan akan hubungi anda melalui e-mel atau SMS.

Pembatalan ATAU Pemendekan Perjalanan



Jika anda perlu membatalkan atau memendekkan perjalanan anda, kami akan membayar balik perbelanjaan perjalanan dan penginapan anda.

Perbelanjaan Perubatan



Sekiranya anda dimasukkan ke hospital akibat kemalangan atau penyakit (tidak termasuk keadaan yang sedia ada), kami akan menanggung perbelanjaan hospital yang ditanggung.

Perpindahan Perubatan



Sekiranya berlaku kecemasan perubatan, kami akan menghantar anda ke tempat yang menyediakan fasiliti perubatan yang sesuai untuk rawatan, atau kami akan membawa anda pulang ke Malaysia.

Penghantaran Pulang Jenazah



Sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan atau penyakit, kami akan menguruskan untuk penghantaran pulang jenazah ke Malaysia dan membayar semua perbelanjaan yang berkaitan tanpa mengira keadaan yang sedia ada.

Kelewatan Perjalanan



Sekiranya penerbangan anda terlewat disebabkan keadaan-keadaan yang tertentu, kami akan membayar MYR150 setiap 6 jam berturut-turut yang ditangguhkan. Sekiranya dengan pilihan tambahan, kami akan membayar MYR150 untuk setiap 3 jam berturut-turut yang ditangguhkan.

Penangguhan Bagasi



Sekiranya bagasi anda ditangguhkan, kami akan membayar MYR200 untuk setiap 6 jam berturut-turut yang ditangguhkan.

APA YANG KAMI LINDUNGI

*Sila rujuk kepada pernyataan polisi untuk maklumat lanjut.

APA YANG KAMI LINDUNGI

JADUAL MANFAAT

Manfaat	Jumlah yang diinsuranskan sehingga (MYR)				
	Primary	Essential	Superior	Premier	Domestic
A Pembatalan Perjalanan (Sebelum Berlepas)	5,000	20,000	25,000	30,000	1,000
B Perbelanjaan Perubatan yang Berkaitan					
1. Perbelanjaan Perubatan	150,000	300,000	600,000	10,000,000	20,000 (Disebabkan oleh Kemalangan)
2. Perbelanjaan Perubatan Kecemasan yang berkaitan					
(a) Perpindahan Perubatan Kecemasan dan Penghantaran balik Perubatan akibat Kecemasan	150,000	Tiada Had	Tiada Had	Tiada Had	20,000 (Disebabkan oleh Kemalangan)
(b) Lawatan Belas Kasihan	3,000	9,000	12,000	15,000	-
(c) Perlindungan Kanak-kanak	-	9,000	12,000	15,000	-
(d) Elaun memasukkan ke Hospital (MYR250 setiap hari) Jumlah hari maksimum	5,000 20	15,000 60	20,000 80	30,000 120	-
(e) Caj Telefon Kecemasan dan Penggunaan Internet	-	150	300	500	-
3. Rawatan Susulan di dalam negara - Malaysia					
(a) Perbelanjaan Perubatan untuk Pesakit di dalam Hospital (Sehingga 30 hari)	10,000	50,000	50,000	50,000	-
(b) Pesakit Luar / Rawatan Pakar atau Perkhidmatan yang disediakan oleh Pengamal Perubatan	Termasuk dalam B3(a)	Termasuk dalam B3(a)	Termasuk dalam B3(a)	Termasuk dalam B3(a)	-
(c) Menyediakan Rawatan atau Perkhidmatan dengan Pakar Kesihatan	-	500	700	1,000	-
4. Perbelanjaan Pergigian di Luar Negara	Termasuk dalam B1	Termasuk dalam B1	Termasuk dalam B1	Termasuk dalam B1	-
C Penghantaran Pulang Jenazah	150,000	Tiada Had	Tiada Had	Tiada Had	-
D Pemendekkan Perjalanan	5,000	20,000	25,000	30,000	-
E1 Gangguan Perjalanan	1,000	1,500	2,000	3,000	-
E2 Kegagalan Menyambung Perjalanan (MYR 200 untuk setiap 6 jam berturut-turut)	200	600	800	1,200	-
F1 Kelewatan Perjalanan (MYR150 untuk setiap 6 jam berturut-turut)					
(a) Luar Negara	1,500	3,900	4,200	5,100	-
(b) Dalam Malaysia	300	450	450	900	300

Manfaat	Jumlah yang diinsuranskan sehingga (MYR)				
	Primary	Essential	Superior	Premier	Domestic
F2 Pertukaran Laluan perjalanan (MYR 200 untuk setiap 6 jam berturut-turut)	200	600	800	1,200	-
G Bagasi					
1. Kehilangan Barang-barang Peribadi	2,000	5,000	7,000	10,000	1,000
Had Limit:					
(a) Lain-lain benda termasuk telefon pintar	500	500	500	500	500
(b) Komputer Mudah Alih termasuk tablet	1,000	1,000	1,500	2,000	1,000
(c) Kerosakan Bagasi setiap beg	250	250	250	250	250
2. Penangguhan Bagasi (MYR200 untuk setiap 6 jam berturut-turut)					
(a) Luar Negara	400	800	1,000	2,000	-
(b) Dalam Malaysia	-	200	200	800	200
3. Penipuan Penggunaan Kad Kredit	-	1,500	2,000	3,000	-
4. Kehilangan Dokumen Perjalanan	2,000	5,000	6,000	8,000	-
5. Kehilangan Wang Peribadi	500	1,000	2,000	3,000	-
H Kemalangan Diri					
Kematian dan Kehilangan Upaya Kekal akibat Kemalangan					
(i) Umur 30 hari hingga 17 tahun	25,000	75,000	100,000	125,000	50,000
(ii) Umur 18 tahun hingga 85 tahun	100,000	300,000	400,000	500,000	50,000
I Liabiliti Peribadi	500,000	1,000,000	1,000,000	1,000,000	500,000
J Kehilangan Perabot Rumah	1,000	2,000	3,000	5,000	-
K1 Bayaran Balik Lebihan Kereta Sewa	-	2,000	3,000	5,000	-
K2 Kos Pemulangan Kenderaan Kereta Sewa	-	Termasuk dalam K1	Termasuk dalam K1	Termasuk dalam K1	-
24/7 Bantuan Perjalanan Seluruh Dunia	Termasuk	Termasuk	Termasuk	Termasuk	Termasuk
Tambahan Pilihan					
L Naik Taraf Kelewatan Perjalanan (MYR 150 untuk setiap 3 jam berturut-turut)					
Luar Negara	-	3,900	4,200	5,100	-

Perhatian: Untuk Pelan Keluarga – Jumlah yang dilindungi secara keseluruhan untuk individu yang diinsuranskan di bawah Pelan Keluarga ialah 300% berdasarkan had yang ditunjukkan di dalam Jadual Manfaat kecuali untuk item H – Kemalangan Peribadi kekal terhad untuk setiap seorang. 7

APA YANG ANDA BAYAR

JADUAL PREMIUM (MYR)

Pelan Perjalanan Tunggal : 30 Hari - 60 Tahun

	Pelan	Primary		Essential				Superior				Premier			
		Wilayah		C1	C2	C1	C2	C3	C4	C1	C2	C3	C4	C1	C2
Persendirian	1-5 hari	32	42	43	51	62	141	49	59	70	153	67	83	108	174
	6-10 hari	43	60	60	72	83	198	70	82	95	215	98	117	149	244
	11-20 hari	69	94	85	100	112	320	100	116	135	347	136	187	205	392
	Setiap minggu	30	41	32	43	61	181	34	47	66	196	39	53	74	222
	Naik Taraf Kelewatan Perjalanan	-	-	3 Setiap Hari (Pilihan)											
Keluarga	1-5 hari	75	112	100	127	154	353	128	164	196	382	145	186	260	432
	6-10 hari	117	149	142	180	232	496	180	228	286	537	200	244	345	610
	11-20 hari	159	234	195	265	318	798	274	371	424	865	305	392	519	979
	Setiap minggu	74	102	78	107	151	452	85	116	163	489	96	131	185	554
	Naik Taraf Kelewatan Perjalanan	-	-	8 Setiap Hari (Pilihan)											

Pelan Perjalanan Tunggal : 61 - 70 Tahun

	Pelan	Primary		Essential				Superior				Premier			
		Wilayah		C1	C2	C1	C2	C3	C4	C1	C2	C3	C4	C1	C2
Persendirian	1-5 hari	32	42	43	51	62	141	49	59	70	153	67	83	108	174
	6-10 hari	43	60	60	72	83	198	70	82	95	215	98	117	149	244
	11-20 hari	69	94	85	100	112	320	100	116	135	347	136	187	205	392
	Setiap minggu	30	41	32	43	61	181	34	47	66	196	39	53	74	222
	Naik Taraf Kelewatan Perjalanan	-	-	3 Setiap Hari (Pilihan)											
Keluarga	1-5 hari	75	112	100	127	154	353	128	164	196	382	145	186	260	432
	6-10 hari	117	149	142	180	232	496	180	228	286	537	200	244	345	610
	11-20 hari	159	234	195	265	318	798	274	371	424	865	305	392	519	979
	Setiap minggu	74	102	78	107	151	452	85	116	163	489	96	131	185	554
	Naik Taraf Kelewatan Perjalanan	-	-	8 Setiap Hari (Pilihan)											

Pelan Perjalanan Tunggal : 71 - 85 Tahun

	Pelan	Primary		Essential				Superior				Premier			
		Wilayah		C1	C2	C1	C2	C3	C4	C1	C2	C3	C4	C1	C2
Persendirian	1-5 hari	-	-	92	126	178	532	100	137	192	576	113	155	218	653
	6-10 hari	-	-	129	177	250	748	140	192	271	811	158	218	306	918
	11-20 hari	-	-	208	285	402	1,205	225	309	435	1,305	255	350	593	1,478
	Setiap minggu	-	-	125	171	241	722	135	185	261	782	153	210	296	886
	Naik Taraf Kelewatan Perjalanan	-	-	3 Setiap Hari (Pilihan)											
Keluarga	1-5 hari	-	-	229	315	444	1,330	248	341	480	1,440	281	386	544	1,631
	6-10 hari	-	-	322	443	624	1,870	349	480	676	2,026	395	543	765	2,294
	11-20 hari	-	-	519	713	1,004	3,012	562	772	1,088	3,262	636	874	1,232	3,694
	Setiap minggu	-	-	311	427	602	1,805	337	463	652	1,955	381	524	738	2,214
	Naik Taraf Kelewatan Perjalanan	-	-	8 Setiap Hari (Pilihan)											

Pelan Domestik

Pelan	Persendirian			Keluarga		
	Umur	30 hari - 60 tahun	61-70 tahun	71-85 tahun	30 hari - 60 tahun	61-70 tahun
1-5 hari	19.08	19.08	64.66	46.64	46.64	162.18
6-10 hari	26.50	26.50	91.16	64.66	64.66	227.90
11-20 hari	42.40	42.40	147.34	104.94	104.94	366.76
21-30 hari	67.84	67.84	235.32	166.42	166.42	586.18

Pelan Pelbagai Perjalanan Tahunan (Individu Sahaja)

Pelan	Essential				Superior				Premier						
	Wilayah				C1	C2	C3	C4	C1	C2	C3	C4	C1	C2	C3
18-60 tahun	270	370	450	1,350	350	440	490	1,450	440	530	620	1,650			
61-70 tahun	500	680	950	2,850	540	730	1,030	3,100	610	830	1,170	3,500			
Pilihan Tambahan															
(i) Naik Taraf Kelewatan Perjalanan	160				160				160						
(ii) Tambahan Domestik															
▶ 18-60 tahun	162.18				162.18				162.18						
▶ 61-70 tahun	346.62				346.62				346.62						

* Pelan Primary tidak digunakan untuk Pelan Pelbagai Perjalanan Tahunan
* Tambahan Domestik adalah termasuk 6% Cukai Perkhidmatan (ST)

NEGARA YANG KAMI LINDUNGI

Wilayah	Destinasi
C1	<ul style="list-style-type: none"> China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Macau, Singapura, Korea Selatan, Taiwan-Wilayah China, Thailand dan Vietnam; Tidak termasuk Mongolia (wilayah dalaman dan luaran)
C2	<ul style="list-style-type: none"> Brunei, Kemboja, India, Republik Demokratik Rakyat Laos, Maldives, Myanmar, New Zealand, Pakistan, Filipina dan Sri Lanka; Termasuk semua negara dalam C1
C3	<ul style="list-style-type: none"> Australia, Mauritius, Mongolia (wilayah dalaman dan luaran), Nauru dan Uzbekistan; Eropah; Timur Tengah (Tidak termasuk Iraq, Palestin dan Yaman); Termasuk semua negara dalam C1 dan C2
C4	<ul style="list-style-type: none"> Seluruh dunia (termasuk Kanada, Iraq, Nepal, Palestin, Tibet, Amerika Syarikat dan Yaman); Termasuk semua negara yang tersenarai dalam wilayah lain
Negara Berkecuali	<ul style="list-style-type: none"> Wilayah Crimea, Cuba, Iran, Korea Utara dan Syria
Destinasi yang dikecualikan	<ul style="list-style-type: none"> Antartika
Domestik	<ul style="list-style-type: none"> Malaysia, lebih daripada 50 km daripada lokasi kediaman atau perniagaan anda

Lembaran Pendedahan Produk

Sila baca Helian Pendedahan Produk ini sebelum anda buat keputusan untuk membeli polisi insurans Travel Guard. Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat polisi.

Apakah produk ini?

Produk ini memberi pampasan sekiranya berlaku, kecederaan, kehilangan upaya atau kematian disebabkan kemalangan yang tidak diduga, perbelanjaan perubatan disebabkan oleh kemalangan atau penyakit, manfaat perjalanan dan bantuan perjalanan bagi perjalanan domestik dan luar negara. Untuk faedah-faedah perjalanan domestik, perlindungan bagi Kemalangan Peribadi dan Perubatan dan Perbelanjaan yang Berkaitan akan bergantung pada punca kemalangan sahaja. Perlindungan ini boleh dibeli mana-mana individu, pasangan yang bersama dalam perjalanan dan anak-anak. Anda akan dapat akses bantuan perjalanan serta-merta pada setiap hari di seluruh dunia di waktu kecemasan apabila anda di luar negara. Anda boleh memilih Perjalanan Tunggol atau Perjalanan Pelbagai Tahunan bergantung kepada jenis pelan yang dipilih.

Siapakah yang layak untuk membeli produk ini?

- Anda mestilah sama ada warganegara Malaysia, atau penduduk tetap Malaysia, atau pemegang permit kerja yang sah atau pas pekerjaan (*tempat pekerjaan anda mestilah di Malaysia semasa tempoh jangka polisi*), pas anak-anak, pas pelajar atau pas jangka masa panjang untuk lawatan sosial tidak termasuk visa perjalanan (*yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan di Malaysia*) dengan hak penuh untuk masuk dan kembali ke Malaysia tidak kira status perubatan;
- Anda hendaklah kembali ke rumah (*kediaman rasmi anda di Malaysia*) setelah perjalanan anda berakhir, atau berniat untuk kembali ke rumah setelah perjalanan anda selesai; dan
- Pengurusan awal perjalanan anda perlu dibuat dan dibayar di Malaysia sebelum perjalanan dan perjalanan perlu bermula di Malaysia.

Apakah perlindungan / faedah-faedah disediakan?

Sila rujuk kepada jadual faedah di dalam risalah ini. Manfaat-manfaat utama yang dilindungi bagi produk ini termasuk:

- Perbelanjaan Perubatan yang Berkaitan;
- Kemalangan Peribadi; dan
- Bantuan perjalanan 24/7 seluruh dunia

Pelan Perjalanan Tunggol

Tempoh perlindungan adalah di antara 1 hingga 5 hari atau maksimum 180 hari berturut-turut (maksimum) bagi perjalanan luar negara dan 30 hari berturut-turut (maksimum) bagi perjalanan domestik.

Pelan Perjalanan Pelbagai Tahunan

Anda dilindungi untuk pelbagai jumlah perjalanan semasa tempoh polisi. Tempoh maksimum bagi perjalanan luar negara adalah 90 hari berturut-turut dan setiap perjalanan domestik adalah 30 hari berturut-turut. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans secara tahunan.

Berapakah jumlah premium yang perlu dibayar?

- Sila rujuk Jadual Premium di dalam risalah.
- Premium boleh dibayar berdasarkan jumlah hari yang diinsuranskan semasa perjalanan, umur, destinasi dan jenis pelan untuk pelan Perjalanan Tunggol.
- Bagi Perjalanan Pelbagai Tahunan, premium perlu dibayar berdasarkan destinasi, umur dan jenis pelan yang dipilih.
- Sila ambil perhatian, premium bagi Pelan Domestik akan dikenakan Cukai Perkhidmatan (CP).
- Polisi ini tidak efektif sekiranya premium yang perlu dibayar belum dibuat.
- Pembayaran perlu dibuat secara tunai, cek, kad kredit atau kad debit.

Apakah pembayaran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

- Komisen: 25% premium (di mana ianya termasuk di dalam premium yang dikenakan).
- Duti Setem: MYR10.00.
- Cukai Perkhidmatan (CP) 6% hanya dikenakan untuk Pelan Domestik dan Pelan Domestik Tambahan.

Apakah di antara terma dan syarat utama yang saya perlu tahu?

(a) Pembelian Polisi:

Polisi perlu dibeli sebelum perjalanan anda bermula.

(b) Kepentingan Pendedahan:

Anda perlu mengambil perhatian agar semua jawapan bagi soalan yang ditanya dijawab dengan penuh dan jujur dan berdasarkan pengetahuan terbaik anda. Anda juga bertanggung jawab untuk memberitahu kami/Pihak Syarikat/Syarikat Insurans/AIG Malaysia bahawa sebarang perubahan kepada informasi yang telah dibuat dahulu sebelum kami memberikan jadual polisi kepada anda, sebelum anda memperbaharui atau menukar sebarang terma-terma polisi anda. Jika tidak, polisi anda akan dibatalkan, atau tidak akan diperakui sebagai polisi yang sah, atau tuntutan anda tidak akan dibayar dengan penuh.

(c) Tuntutan:

Dokumen tuntutan boleh dihantar menerusi e-mel ke MYClaims@aig.com secepat mungkin tetapi tidak lebih daripada 90 hari daripada tarikh kejadian. Jika anda tidak mampu untuk melengkapkan dokumen tuntutan dalam 90 hari dengan sebab munasabah, dokumen perlu diserahkan tidak lebih daripada tempoh setahun daripada tarikh kejadian.

(d) Jumlah Polisi:

Anda hanya boleh dilindungi dengan satu polisi berdasarkan insurans ini dengan AIG Malaysia Insurance Berhad.

(e) Umur:

Umur yang layak adalah di antara 30 hari sehingga 85 tahun daripada Pelan Perjalanan Tunggol dan 18 tahun ke atas sehingga 70 tahun bagi Pelan Perjalanan Pelbagai Tahunan. Umur adalah ditentukan pada tarikh tempoh tamat polisi.

(f) Tempoh Maksimum Perjalanan:

i. Perjalanan Luar Negara:

- Pelan Perjalanan Tunggol: Setiap satu perjalanan tidak boleh melebihi 180 hari berturut-turut.
- Pelan Perjalanan Pelbagai Tahunan: Setiap satu perjalanan tidak boleh melebihi 90 hari berturut-turut;

ii. Perjalanan Domestik:

- Setiap perjalanan tidak boleh melebihi 30 hari berturut-turut (Pelan Perjalanan Tunggol & Pelan Perjalanan Pelbagai Tahunan).

(g) Pembaharuan & Naik Taraf:

Hanya untuk Pelan Perjalanan Pelbagai Tahunan dan tertakluk kepada persetujuan kami.

(h) Sekatan Ekonomi:

Kami tidak akan memberikan perlindungan dan membayar sebarang tuntutan atau memberikan mana-mana manfaat di bawah ini sehingga ketentuan perlindungan itu, pembayaran tuntutan atau penyediaan manfaat sedemikian akan mendedahkan kami, syarikat induk kami atau entiti mengawal utama kami kepada sebarang sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Bangsa-bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan, ekonomi atau undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah atau Amerika Syarikat.

Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Kami tidak akan bertanggungjawab di bawah mana-mana bahagian untuk sebarang tuntutan yang timbul daripada, berdasarkan atau disebabkan oleh:

(a) Penglibatan anda atau anda mengambil bahagian dalam mana-mana:

(i) Kerja manual yang termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- Kerja-kerja bawah tanah, perlombongan, ketenteraan, kerja di laut dalam, kerja buruh atau di luar bangunan atau kerja instalasi yang melebihi ketinggian 3 meter;
- Pekerjaan yang melibatkan jentera berat, bahan letupan atau bahan berbahaya;
- Pekerjaan menyelam, pegawai keselamatan pantai, pemandu teksi, pemandu bas, atau kenderaan komersial yang lain atau pemandu kenderaan berat, penghantaran cepat atau sekadar penghantar;
- Pekerjaan yang menggunakan peralatan khas dan latihan, atau pekerjaan yang boleh mendatangkan kecederaan termasuk atau tidak terhad kepada pekerja di pelantar minyak, nelayan, operator kren atau pengimpal.

(ii) Kerja mubaligh yang perlu berjalan jauh;

(iii) Kerja amal yang perlu berjalan jauh;

(iv) Tentera laut, tentera atau tentera udara atau operasi;

(v) Sukan profesional atau yang mendapat pendapatan yang tidak tetap atau ganjaran kewangan yang diterima dalam pelbagai bentuk;

(vi) Aktiviti-aktiviti aerial;

(b) Aktiviti-aktiviti berkaitan:

(i) Sukan ekstrem dan aktiviti sukan lain;

(ii) Sukan Pertandingan;

(iii) Perlumbaan selain dari berjalan kaki;

(iv) Menyelam dengan kedalaman melebihi 30 meter;

(v) Mendaki gunung;

(vi) Berjalan trek melebihi 3000 meter;

(c) Membunuh diri atau sengaja mencederakan diri atau cuba melakukannya dalam keadaan sedar;

(d) Semasa perjalanan di udara kecuali dengan pembelian tiket penerbangan yang sah di dalam kapal terbang komersial atau persendirian yang berlesen;

(e) Melanggar undang-undang;

(f) Penyakit mental atau serangan histeria;

(g) Mana-mana penyakit, kecederaan, termasuk simptom-simptom yang dialami anda, saudara anda, rakan niaga, atau teman perjalanan anda dalam tempoh 1 tahun sebelum perjalanan bermula tarikh dan masa:

- Mulai merebak dengan sendiri, menjadi teruk dan menunjukkan simptom yang jelas yang akan mengakibatkan seseorang terpaksa menerima rawatan;
- Terpaka dirawat dengan ubat atau ujian untuk siasatan dan rawatan lanjut yang disarankan pakar perubatan; atau
- Telah dirawat pakar perubatan atau rawatan telah disarankan oleh pakar perubatan.

Sebarang kondisi bawaan kongenital, keturunan, **kronik** atau kondisi yang berterusan yang melibatkan anda, saudara anda, rakan perniagaan atau teman perjalanan sama ada atau mereka sedar, atau dijangka untuk sedar sebelum perjalanan bermula pada waktu dan masa tertentu.

Kronik bermakna sebarang kondisi yang berlarutan, atau dijangka untuk berterusan lebih daripada setahun dan selepas waktu itu ia dijangka akan kembali berterusan. Ini termasuk tapi tidak terhad kepada aritriis, penyakit kardiovaskular, kanser, (karsinoma/karsinoma in situ/malignan tumor), sawan haemophilia, lupus, penyakit neuron motor, penyakit sklerosis pelbagai, distrof otot, penyakit Parkinson, penyakit buah pinggang, masalah sistem pernafasan.

(h) Penyakit AIDS (Acquired Immune Deficient Syndrome) atau HIV;

(i) Bahan-bahan nuklear, kimia atau biologi;

(j) Peperangan;

(k) Sebarang kehilangan, kemalangan, kerosakan, atau liabiliti undang-undang yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada yang dirancang atau perjalanan yang telah berlaku ke atau melalui benua Crimea, Cuba, Iran, Korea Utara atau Syria

(l) Perjalanan yang dilakukan atas nasihat doktor atau sebab utama perjalanan adalah untuk mendapatkan rawatan perubatan, konsultasi atau nasihat.

(m) Kegagalan untuk mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengelak tuntutan walaupun terdapat amaran jelas daripada media massa;

(n) Mana-mana keadaan yang telah diberitahu dengan jelas atau sewaktu membeli polisi.

Nota: Ini adalah senarai yang tidak menyeluruh. Sila rujuk catatan polisi kami untuk senarai penuh pengecualian bagi produk ini.

Bolehkah saya membatalkan polisi ini?

(a) Pelan Perjalanan Tunggal

Pembatalan untuk Perjalanan Tunggal bergantung atas budi bicara kami. Sebarang pembatalan akan dibuat pada waktu permintaan pembatalan anda iaitu sebelum perjalanan anda bermula. Kami akan membayar balik premium kepada anda jika tiada tuntutan yang telah dibuat atau akan dibuat oleh anda. Tiada permintaan pembatalan akan dilayan setelah perjalanan anda bermula.

(b) Pelan Perjalanan Pelbagai Tahunan

Anda boleh batalkan polisi ini dengan memberikan kami notis bertulis. Pembatalan bagi Pelan Perjalanan Pelbagai Tahunan akan bermula pada hari pertama bulan yang seterusnya di dalam kalendar berdasarkan resit notis pembatalan. Kami akan bayar balik premium anda untuk terma yang belum tamat tempoh sekiranya tiada tuntutan yang telah dibuat atau akan dibuat oleh anda.

Apakah yang perlu saya lakukan jika ada perubahan di dalam kontrak / butiran peribadi saya?

Adalah amat penting untuk anda memberitahu pihak kami sekiranya ada sebarang perubahan di dalam profil anda kerana ia akan beri kesan kepada profil risiko anda.

Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Jika perlukan maklumat lanjut tentang polisi ini, sila rujuk risalah maklumat insurans di bahagian 'Insurans Kemalangan Peribadi', yang boleh didapati di cawangan kami atau anda boleh dapatkan salinan daripada ejen insurans.

Jika anda ada sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AIG Malaysia Insurance Berhad
Menara Worldwide
No 198 Jalan Bukit Bintang
55100 Kuala Lumpur Malaysia
Tel : 1800 88 8811
E-mail : AIGMYCare@aig.com

Jenis Perlindungan Kemalangan Peribadi yang ada.

Sila rujuk kepada ejen-ejen kami

NOTA PENTING:

Semua pencalonan memerlukan borang pencalonan yang lengkap. Borang fizikal asli adalah wajib dan diperlukan ketika melakukan tuntutan. Jika borang itu tiada, kami akan merujuk kepada Perenggan 8 Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 apabila membayar wang diatas kematian pemegang polisi.

ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU TERUS MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK KETERANGAN LANJUT.

Maklumat yang ada di dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada 01/09/2019.

Nota: Jika terdapat sebarang perbezaan dan/atau percanggahan di antara teks yang diterjemahkan, untuk semua tujuan, teks Bahasa Inggeris akan digunakan.